

Malaysia-Turkiye perkukuh kerjasama kepentingan nasional, kestabilan

PETALING JAYA: Malaysia akan terus memperkukuhkan kerjasama dengan Turkiye dengan berpandukan kepentingan bersama yang menyasarkan autonomi strategik, kestabilan dan pertumbuhan.


Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, kerjasama kedua-dua negara yang sedia perkukuh perlu terus dipereratkan selepas kegagalan negara maju mematuhi orde antarabangsa.

“Perspektif kita adalah sehaluan dan keupayaan kita saling melengkapi. Saya yakin kerjasama ini dapat diperkukuhkan lagi untuk berfungsi dengan berkesan dalam ekonomi global di mana peraturan sedia ada semakin dipertikaikan, teknologi sedang membentuk semula cara nilai dicipta dan serta persekitaran keselamatan yang semakin berbahaya serta kurang dapat diramal,” katanya ketika menyampaikan syarahan umum mengenai *Peralihan Kuasa: Pilihan Strategik untuk Malaysia dan Turkiye* semalam.

Anwar berada di Turkiye dalam lawatan rasmi tiga hari atas jemputan Presiden Recep Tayyip Erdogan.

Dalam perkembangan lain, kerjasama pertahanan Malaysia dan Turkiye akan terus diperkukuh khususnya dalam aspek pembangunan keupayaan, latihan dan pemindahan teknologi serta modal insan bagi memperkasa sektor pertahanan negara.

Perkara itu dicapai ketika Anwar menerima kunjungan



ANWAR Ibrahim menerima kunjungan hormat Haluk Gorgun (dua, kanan) sempena hari kedua lawatan rasmi beliau ke Turkiye semalam. - IZZUDDIN ABD RADZAK/PEJABAT PERDANA MENTERI

hormat Setiausaha Industri Pertahanan Turkiye, Prof Dr. Haluk Gorgun pada hari kedua lawatan rasmi beliau ke negara berkenaan.

Pada pertemuan itu, Anwar dan Gorgun membincangkan kerjasama yang wujud sebelum ini menerusi syarikat pertahanan Malaysia dan Turkiye.

Turut serta dalam kunjungan hormat itu ialah Menteri Luar, Datuk Seri Mohamad

Hasan; Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri, Datuk Seri Johari Abdul Ghani dan Duta Besar Malaysia ke Turkiye Sazali Mustafa Kamal.

Terdahulu, Anwar diberi penghormatan melaksanakan istiadat kalungan bunga di Anitkabir yang menempatkan makam tokoh pengasas Turkiye moden Mustafa Kemal Atatürk. Anwar turut meninjau persekitaran kompleks berke-

naan termasuk muzium yang menghimpunkan naratif sejarah, pengorbanan dan visi pembinaan negara bangsa republic berkenaan.

“Kunjungan ini memberi ruang yang mendalam untuk mengenai makna kepimpinan, pengabdian kepada tanah air serta pentingnya nilainya kenegaraan dalam membina masa depan yang adil dan bermaruah,” katanya.